



RISIKO

01

Segala perkara yang boleh menghalang daripada mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Salah satu objektif FPTV adalah ingin menawarkan program akademik yang mendapat akreditasi, maka segala perkara yang menghalang program akademik daripada mendapat akreditasi adalah risiko.



PEMILIK RISIKO

02

CONTOH

TDAA adalah pemilik risiko untuk akreditasi program akademik di atas dasar skop tugas TDAA mengetuai segala hal dan pengurusan program akademik.

PENGURUSAN RISIKO

03

Menyelaras strategi, aktiviti dan sumber untuk mengenalpasti, menilai, mengurus/mengambil tindakan serta memantau setiap risiko untuk memastikan objektif yang ditetapkan dicapai melalui penyingkiran risiko yang berpotensi menghalang pencapaian objektif tersebut.



3 PENGURUSAN RISIKO

Menyelaraskan strategi, aktiviti dan sumber untuk mengenalpasti, menilai, mengurus/ mengambil tindakan dan memantau setiap risiko.

Tujuan pengurusan risiko – untuk memastikan objektif yang ditetapkan dicapai melalui penyingkirkan risiko yang berpotensi menghalang pencapaian tersebut

A, B, C, D - Tugas pemilik risiko

E - Tugas penyelaras pengurusan risiko



Rujukan pelaksanaan tugas:

1. **KLT-06 Prosedur Pengurusan Risiko** (Prosedur ISO Universiti, Januari 2018)
2. **Polisi dan garis panduan pengurusan risiko**, oleh Jabatan Pengurusan Risiko, Pejabat Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko (Disember 2017)

Ketua Bahagian/Pemilik Risiko bersama ahli-ahlinya perlu mengenal pasti risiko yang wujud berkaitan dengan portfolio tugas mereka secara berterusan dan melaporkan kepada Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti untuk dibincangkan secara rasmi di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Fakulti.

1 KETUA BAHAGIAN/ PEMILIK RISIKO

Ketua Bahagian/Pemilik Risiko bersama ahli-ahlinya perlu melaksanakan tindakan kawalan terhadap semua risiko yang telah dibincangkan dan dipersempurna supaya risiko tersebut dapat dihilangkan atau dikawal dengan sebaiknya.

Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti perlu mengadakan perbincangan/mesyuarat dengan semua ahli jawatankuasa peringkat Fakulti secara berkala dari semasa ke semasa tentang semua aspek pengurusan risiko di Fakulti meliputi pendaftaran risiko yang baru dikenalpasti, tindakan kawalan terhadap risiko, pemantauan pelaksanaan tindakan kawalan dan keberkesanan tindakan kawalan serta semakan semula tahap risiko setelah penilaian semula terhadap tindakan kawalan dilaksanakan.

2 PENYELARAS PENGURUSAN RISIKO FAKULTI

Penyelaras Pengurusan Risiko Fakulti perlu melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti dari semasa ke semasa tentang risiko-risiko yang wujud di Fakulti yang tidak dapat dikawal sebahagiannya atau sepenuhnya oleh pihak Fakulti disebabkan faktor-faktor tertentu atau luaran. Tujuan laporan ke Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti adalah untuk mendapatkan sokongan dan bantuan di peringkat Universiti agar Fakulti dapat mengawal risiko tersebut.

! Tanggungjawab semua staf fakulti:

1. **Menyedari dan memahami** konsep berkaitan risiko dan tanggungjawab pengurusan risiko.
2. **Melaporkan** sebarang penemuan risiko baru kepada pegawai risiko atau pemilik risiko.